



PERMODALAN
(No. Syarikat : 323522K)

LAPORAN TAHUNAN PERMODALAN RISDA BERHAD 2019

1.1 PERMODALAN RISDA BERHAD (PRB)

PRB ditubuhkan pada 15 November 1994 sebagai syarikat yang bertanggungjawab menguruskan dana-dana RISDA, pembiayaan peribadi, pemfaktoran, pusat data dan ICT. PRB mempunyai sebuah anak syarikat iaitu PRB Grid Technology Solutions Sdn Bhd (PRB GTS).

1.1.1 AKTIVITI UTAMA PRB

Aktiviti utama PRB tahun 2019 telah menjana kepada pendapatan syarikat sebanyak RM25,660,626.00. Aktiviti utama adalah dari aktiviti berikut:

i. JUALAN SERVER, PENYEDIAAN PUSAT DATA DAN ICT

PRB GTS sebagai anak syarikat PRB yang menjalankan perniagaan ICT dan Pusat Data serta Pemulihan Bencana (*DRC*) secara berpusat untuk agensi kerajaan dan juga swasta. Perniagaan ini telah menyumbang pendapatan sebanyak 36.74% iaitu RM9,427,990.00 yang mana ia merupakan penyumbang utama pendapatan syarikat.

Sebagai syarikat penyedia Hyperconverge di Malaysia, PRB telah dilantik sebagai pembekal utama (*Distributor*) bagi Rantau Asia untuk produk Hypergrid.

ii. PEMFAKTORAN DAN PEMBIAYAAN KONTRAK

Pembiayaan pemfaktoran melalui pendahuluan tunai dengan segera disediakan kepada kontraktor yang mendapat kontrak daripada kerajaan atau syarikat milik kerajaan (GLC) menerusi proses menjual invoice syarikat mereka bagi kontrak yang diterima tersebut. Pemfaktoran ini dikenali sebagai pemfaktoran biasa dan perkhidmatan ini kedapatan oleh lain-lain institusi kewangan.

Pembiayaan pemfaktoran PRB juga ada menyediakan kemudahan tambahan seperti *Bank Guarantee* (BG), *Letter of Credit* (LC) dan Pembiayaan Kontrak (*Contract Financing*). Kesemua kemudahan ini mematuhi Syariah melalui konsep Bai Ad Dyn dan Bai Al Innah dan PRB kini merupakan *One Stop Centre* bagi pembiayaan pemfaktoran.

Aktiviti pemfaktoran pula telah menyumbang 38.39% daripada keseluruhan pendapatan PRB iaitu sebanyak RM9,852,156.00.

iii. **AKTIVITI KHIDMAT PENGURUSAN**

- Yuran Pengurusan Pelaburan Dana
- Yuran Pentadbiran Tabung Pembiayaan

Aktiviti Khidmat Pengurusan seperti tabung pembiayaan adalah merupakan aktiviti pindah urus daripada RISDA kepada PRB semenjak tahun 1996. Kemudahan tersebut adalah berbentuk pembiayaan perumahan, kenderaan dan komputer disediakan kepada semua staf RISDA. Setakat akhir Disember 2019, aktiviti tersebut telah menyumbang 15.01% atau RM3,850,765.00 daripada keseluruhan pendapatan syarikat.



Rajah 1.1.3 Taklimat produk pembiayaan RISDA telah diadakan pada 5 April 2019 bertempat di Institut Kemajuan Pekebun Kecil Perak (IKPK Perak)



SENARAI PEMENANG CABUTAN BERTUAH PEMBIAYAAN RISDA

	CABUTAN 1 : SONY 55" UHD LED TV Nama : JOHARI BIN MAT DESA PT : PRD - Selamat / Menang / Kerian No. KP : 5784 No. Pekerja : 041692		CABUTAN 2 : ELECTROLUX WET & DRY VACUUM Nama : AZAHARY BIN RAMLI PT : Pejabat Ketua Pengarah No. KP : 7807170 No. Pekerja : 080729
	CABUTAN 1 : DYSON AIR PURIFIER TOWER FAN Nama : MOHD SHAFIE BIN TAHIR PT : PRD - Perak Tgk/Kinta No. KP : 7111 No. Pekerja : 065642		CABUTAN 2 : TEFAL AIR ERYER + TEFAL HIGH SPEED BLENDER Nama : FAZURINI BINI ZAKARIA PT : Bhg. Belalan Input Pertanian No. KP : 8104291 No. Pekerja : 089919
	CABUTAN 3 : TEFAL STEAM GENERATOR IRON + IRON BOARD Nama : SAZALI BIN ZAINAL ABIDIN PT : Bhg. Pengurusan Sumber Manusia No. KP : 7347 No. Pekerja : 076968		CABUTAN 4 : PANASONIC MICROWAVE OVEN 27L Nama : ABDUL RAZAK BIN HASSAN PT : PRD - Perak Hulu No. KP : 5907 No. Pekerja : 038691
	CABUTAN 5 : SHARP 43" UHD TV Nama : ZUHUHANI BIN ASU @ SHAARI PT : PRN - Pulau Pinang No. KP : 7701190 No. Pekerja : 075158		CABUTAN 6 : KENWOOD POWER BLENDER Nama : YANG HABIBA AISHAH BT MIOR RASDI PT : PRD - Terenoh No. KP : 8802211 No. Pekerja : 094221
	CABUTAN 1 : HONEYWELL AIR COOLER Nama : MASRITA BT MUKHTAR PT : BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT No. KP : 8407201 No. Pekerja : 079110		CABUTAN 2 : TEFAL AIR ERYER + TEFAL HIGH SPEED BLENDER Nama : AZMAN BIN MOHD SHUKOR PT : Bhg. Inspektorat & Audit Dalam No. KP : 7905200 No. Pekerja : 077574
	CABUTAN 3 : TEFAL STEAM GENERATOR IRON + IRON BOARD Nama : NUR AZURA BINI MOHD BAHARI PT : Bhg. Sewangan & Belanjawan No. KP : 8203200 No. Pekerja : 085046		CABUTAN 4 : HUAWEI NOVA 4E BLUE Nama : SITI NORSHIELA BINI SHAHIDAN PT : Bhg. Belalan Input Pertanian No. KP : 8501141 No. Pekerja : 089032

Rajah 1.1.3 Cabutan Bertuah Pembiayaan RISDA Kali ke 4/2019 pada 26 Ogos 2019

iv. PEMBIAYAAN PERIBADI DAN STAF

- Keuntungan Pembiayaan Staf PRB
- Keuntungan Pinjaman Peribadi

Semenjak tahun 2007, kemudahan berbentuk Pembiayaan Peribadi disediakan kepada semua staf RISDA dan staf syarikat milik RISDA . Aktiviti perniagaan ini telah menjana pendapatan sebanyak 8.84% atau RM2,268,853.00 daripada jumlah pendapatan keseluruhan.

v. PELABURAN DANA

- Keuntungan Pasaran Wang
- Keuntungan Pelaburan Saham

- Dividen Saham
- Caj Kendalian Saham

Aktiviti pengurusan dana milik RISDA dan SMR masih diurus oleh PRB semenjak ianya ditubuhkan di mana dana-dana tersebut dilabur melalui aktiviti pelaburan pasaran wang. Setakat akhir Disember 2019, sebanyak 0.66% iaitu RM170,203.00 daripada jumlah keseluruhan pendapatan PRB telah disumbangkan menerusi Aktiviti Pelaburan Dana.

1.1.2 SUMBANGAN PRB TAHUN 2019

- PRB telah menyumbangkan pemberian kurma sempena sambutan Ramadhan tahun 2019 kepada Badan Agama Islam RISDA untuk diagihkan kepada semua kakitangan RISDA dan Syarikat Milikan RISDA.



Rajah 1.1.3 Pemberian kurma PRB kepada wakil BARIS iaitu En. Mohd Hafiz

- PRB telah menyumbang 2 ekor lembu dalam Program ibadah korban yang telah dilaksanakan oleh RISDA bertempat di Bandar Baru Bangi. Program ibadah korban ini bermula dengan aktiviti sembelihan, melapah, membungkus dan seterusnya pengagihan daging lembu

kepada golongan yang memerlukan termasuk asnaf, anak yatim dan fakir miskin serta kakitangan RISDA dan SMR yang layak.



Rajah 1.1.3 Kakitangan RISDA dan Syarikat Milikan RISDA Bersama-sama melapah daging korban untuk diagih-agihkan.

1.1.3 PEMBAHARUAN PRB

- i. PRB telah menjalankan perniagaan baharu iaitu Pemegang Amanah Inden dengan usahasama Koperasi Pekebun Kecil Johor Selatan Berhad (KORPIS)
- ii. Pangkalan Data Sistem Pembiayaan RISDA telah ditempatkan di Pusat Data PRB GTS dengan menggunakan teknologi terkini Hyperconverge.